

# BENGKEL PENGIRAAN PLO ATTAINMENT

Sesi Perkongsian Bersama JK NOBLE UiTM Sarawak



Sesi hands on semasa bengkel pengiraan PLO Attainment dijalankan

**Penulis: Favilla Zaini**

Pada November 2023 lepas, barisan pensyarah daripada Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM), Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak telah menghadiri satu aktiviti iaitu Bengkel Pengiraan CLO-PLO Attainment yang telah dianjurkan oleh JK NOBLE UiTM Sarawak. Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pensyarah kaedah pengiraan CLO/PLO bagi setiap kursus dan kumpulan.

Penceramah bengkel ini, Cik Patricia Pawa Pitil adalah wakil JK NOBLE UiTM Kampus Samarahan dan juga pensyarah yang bertugas di kampus yang sama. Bengkel dimulakan dengan pengenalan CLO/PLO.

Seterusnya, penerangan juga dibuat berkaitan dengan pemetaan diantara Kursus maklumat dan CLO-PLO. Selain itu, penyediaan laporan PLO Attainment didalam uFuture turut diterangkan. Dan akhir sekali, sesi hands-on telah dilakukan bagi membantu pensyarah membuat penyediaan jadual penilaian PLO untuk tahap kumpulan dan membantu LIC untuk tahap kursus.

Bengkel yang diadakan pada 9 November 2023 iaitu pada hari Khamis telah bermula pada pukul 3.30 petang dan berakhir sehingga 5.00 petang. Bertempat di bilik kelas G201, ia juga turut dihadiri oleh barisan pensyarah dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi dari Kampus Samarahan.

Diharapkan bengkel pengiraan PLO attainment ini dapat melancarkan proses penyediaan laporan PLO Attainment pada masa akan datang. Dan pada masa yang sama, semoga semua yang terlibat mendapat manfaat daripada bengkel ini.



Cik Patricia Pawa Pitil bersama barisan pensyarah yang menghadiri bengkel pengiraan PLO attainment pada 9 November 2023 di bilik blok G, Kampus Samarahan 1.

# Congratulations!

Students of School of  
Information Science

for passing with flying colors from your  
last semester examination!

